

12 MAY 2003

Najib-Maklumat

ATM BERSEDIA HADAPI PERANG MAKLUMAT, KATA NAJIB

PORT DICKSON, 12 Mei (Bernama) -- Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam meningkatkan kemampuannya untuk menghadapi perang maklumat akan memastikan semua peralatan ketenteraan yang dibelinya dilengkapi dengan komponen keperluan perang maklumat.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata: "Bagi mencapai tujuan itu, kita akan menyediakan peruntukan yang lebih bagi pembangunan perang maklumat (Information Warfare) ini.

Keperluan komponen perang maklumat dalam pembelian senjata terbaru negara penting dan tidak harus dipinggirkan begitu sahaja, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat bersama pegawai-pegawai kanan Tentera Darat di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Panglima ATM Jeneral Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin dan Panglima Tentera Darat Jeneral Datuk Wira Mohd Shahrom Nordin.

"Perang maklumat ini merupakan taktik yang digunakan oleh tentera Amerika Syarikat semasa menumbangkan rejim Saddam Hussein di Iraq baru-baru ini.

"Ini bermakna kita boleh mempelajari menerusi perkembangan terkini apa yang berlaku dalam peperangan di Iraq itu yang telah memberi kelebihan ketara kepada tentera Amerika Syarikat," katanya.

Beliau berkata perang menerusi "Network Centric Warfare" begitu berguna di masa depan dan ATM perlu mengambil kira perkara itu dalam permodenan persenjataannya.

Misalnya, kereta kebal yang dibeli dari Poland sudah dilengkapi dengan sistem pengurusan tempur elektronik yang canggih.

Selain itu, ATM juga kini sedang membangunkan pengurusan sumber manusianya khusus bagi memahirkan diri dalam bidang teknologi dan komunikasi (ICT) di semua peringkat.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengingatkan orang Melayu bahawa Malaysia menghadapi bahaya besar kerana kuasa Barat akan berusaha menjajah negara menerusi perubahan rejim selepas agenda mereka selesai di Asia Barat, Najib berkata Malaysia harus memperkasakan ketahanan dalamannya bagi menjamin kemerdekaan yang dikecapi selama ini tidak diancam.

Ketahanan dalaman yang dimaksudkan ialah usaha memperkukuhkan perpaduan masyarakat berbilang kaum dan membangunkan sumber manusia dengan baik, selain memiliki teknologi dan angkatan tentera yang kuat, katanya.

"Penjajahan baru ini memang satu ancaman kepada negara-negara sedang membangun. Kita telah berjaya membangunkan Malaysia dan saya yakin dengan kepimpinan dan langkah proaktif selama ini, kita mampu untuk menjamin kemerdekaan kita itu dan tidak akan diancam dalam apa juga bentuk," katanya.

Semasa berucap pada Perhimpunan Sambutan Ulang Tahun ke 57 Penubuhan Umno di Stadium Merdeka malam tadi, Dr Mahathir menjelaskan kuasa-kuasa penjajah itu akan cuba memecahkan Umno yang menjadi benteng pertahanan kemerdekaan negara ini.

-- BERNAMA

APG PR